

Media : Sinar Harian
Title : Tempo Properties Optimis Catat Untung
Date : 22 September 2010
Page : 19
Size : 16x17.9



Tempo Properties optimis catat untung

Sasar 25 peratus pulangan projek komersial hijau The Atmosphere

TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PEMAJU hartanah Tempo Properties Sdn Bhd (Tempo Properties) menyasarkan pulangan keuntungan sebanyak 20 peratus sehingga 25 peratus bagi jualan bangunan komersial hijau The Atmosphere.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Khoo Boo Hian berkata, hampir keseluruhan lot kedai telah dijual.

"Fasa kedua The Atmosphere mempunyai lebih 500 lot kedai dan 90 peratus telah terjual," katanya.

Menurutnya, pulangan keuntungan tersebut dijangka dapat diperolehi dalam tempoh sehingga empat tahun selepas ianya siap sepenuhnya.

"The Atmosphere mempunyai tiga fasa iaitu fasa pertama yang mana ianya menempatkan pasar raya besar Giant yang bakal dilancarkan pada bulan depan.

"Fasa kedua menempatkan lot kedai dan pejabat serta taman permainan kanak-kanak yang dijangka siap sepenuhnya pada 2012 dan Fasa ketiga masih dalam perancangan masa depan," katanya pada majlis penyerahan sijil bangunan komersial hijau pertama di Lembah Klang Selatan di Kuala Lumpur, semalam.

Boo Hian yang juga Pengurus Projek The Atmosphere berkata, The Atmosphere Sdn Bhd melabur lebih daripada RM2 juta untuk merealisasikannya sebagai bangunan komersial hijau.

"Ia diperuntukkan untuk bahan binaan, kaca berkualiti tinggi untuk dinding bangunan, saluran air dan tenaga yang efisien untuk mengurangkan pembaziran," katanya.

Projek The Atmosphere lahir daripada gabungan kerjasama Tempo Properties bersama syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Saham, Ekson Corporation Berhad.



● Boo Hian (kiri) bersama perunding Green Mark Profesional, Farizan d'Avezac de Moran pada majlis penyerahan sijil bangunan komersial hijau pertama di Lembah Klang Selatan di Kuala Lumpur, semalam.

The Atmosphere yang terletak di Taman Prima Kota iaitu kawasan yang menjadi segi tiga emas Lembah Klang Selatan yang menghubungkan Lebuh raya Damansara Puchong (LDP), Maju Expressway (MEX) dan Lebuhraya Utara Selatan (Plus).

"The Atmosphere menyediakan 1000 tempat letak kereta termasuk khas untuk kereta elektrik dan hybrid yang dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) dan kipas jet berkualiti tinggi yang mampu menyedut keluar asap kereta yang terkumpul di ruang tersebut.